

28 AUG 2003

Pemuda-Pendidikan

PEMUDA UMNO PERHEBAT PROGRAM KESEDARAN KEPENTINGAN PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan memperhebatkan program kesedaran kepentingan pendidikan terutamanya di kalangan pelajar sekolah rendah bagi memastikan mereka memperolehi kejayaan cemerlang dalam bidang akademik.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata pergerakan itu akan memberikan keutamaan dalam agenda pendidikan bagi membolehkan generasi muda Melayu terutamanya pelajar lelaki meningkatkan keupayaan mereka dalam penguasaan ilmu.

"Pemuda Umno akan turun ke bawah dan memberikan kesedaran seawal di sekolah rendah tentang pentingnya pendidikan, kemahiran dan penguasaan ilmu serta memberikan galakan dan bimbingan melalui Program Tuisyen EMAS dalam bidang bahasa Inggeris, Matematik dan Sains," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani akujanji Kemudahan Pinjaman Tabung Pendidikan Pemuda Umno di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan Pemuda Umno bagi menyahut cabaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap generasi muda lelaki negara supaya meningkatkan bilangan mereka di institusi pengajian tinggi, sekaligus mengimbangi nisbah jantina penuntut kepada 50:50.

Perdana Menteri semasa berucap merasmikan Festival Kemerdekaan Universiti Teknologi MARA di Shah Alam, Selasa lepas berkata nisbah 70:30 yang memihak kepada wanita ketika ini membuktikan bahawa wanita jauh lebih ke hadapan dalam agenda penguasaan ilmu.

Bagaimanapun, Hishammuddin berkata berbanding institut kemahiran seperti di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), nisbah jantina penuntut tidaklah kritikal kerana lebih ramai pelajar lelaki mengikuti latihan vokasional dan kemahiran.

Beliau berkata tumpuan juga diberi untuk memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan pelajar bahawa pilihan untuk terus bekerja selepas menamatkan persekolahan mungkin nampak menarik pada mulanya, namun sebenarnya ia hanya bersifat sementara dan tidak menjamin masa depan.

"Sebaliknya, masa depan yang lebih baik hanya boleh dimiliki melalui pendidikan tinggi, kemahiran dan penguasaan ilmu," katanya.

Beliau berkata Pemuda Umno juga akan memberi tumpuan terhadap empat cabaran besar bidang pendidikan iaitu menangani ketidakseimbangan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta; mengimbangi nisbah jantina penuntut kepada 50:50 di institut pengajian tinggi awam; menumpukan penguasaan kepada bidang kritikal sains dan teknologi serta mengatasi masalah pengangguran siswazah berikutan ketidaksesuaian pengkhususan dengan permintaan tenaga kerja.

Mengenai kemudahan pinjaman Tabung Pendidikan Pemuda Umno, Hishammuddin berkata dana berjumlah RM6.4 juta dengan kerjasama 19 kolej di bawah Persatuan Kolej-kolej Swasta Malaysia dan 19 kolej di bawah Persatuan Kebangsaan bagi Institusi Pendidikan Swasta akan digunakan bagi membiayai kira-kira 700 pelajar.

Pada masa ini, 19 pelajar dengan pembiayaan sebanyak RM850,000 mendapat pinjaman berkenaan. Enam daripadanya mengikuti program ijazah, 10 diploma dan tiga program A-Level.

-- BERNAMA

HS AHH AZH